

29/05/2003

Kakitangan TNB dapat setengah bulan bonus

IPOH: Lebih 27,000 kakitangan termasuk pekerja kontrak Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan mendapat bonus setengah bulan gaji, tidak lama lagi.

Pengerusinya, Datuk Dr Awang Adek Hussein ketika mengumumkannya, berkata pembayaran bonus berkenaan bagi menyokong langkah kerajaan merangsang pertumbuhan ekonomi melalui Pakej Strategi Baru, yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, baru-baru ini.

"Walaupun kita sebenarnya tidak perlu berbuat demikian tetapi kita tetap memberikan bonus itu kepada kakitangan TNB," katanya pada selepas perasmian bangunan baru TNB di Ulu Kinta oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Tanjung Rambutan, dekat sini, semalam.